# Soalan Lazim
# Peraduan Labur dan Menang

| No. | Soalan/Jawapan |
|---|---|
| **S1** | **Apakah Peraduan Labur dan Menang?** |
| J1 | Peraduan Labur dan Menang adalah peraduan ("Peraduan") dianjurkan oleh Pos Malaysia Berhad ("Pos"). Peraduan ini terbuka kepada semua pelanggan Pos yang melabur ke dalam akaun Amanah Saham Bumiputera ("ASB") di pejabat pos terpilih dan berpeluang untuk memenangi hadiah-hadiah menarik. |
| **S2** | **Berapa lamakah Peraduan ini akan berlangsung?** |
| J2 | Peraduan ini akan berlangsung mulai 1 September 2022 sehingga 31 Disember 2022 ("Tempoh Peraduan") |
| **S3** | **Siapakah yang boleh menyertai Peraduan ini?** |
| J3 | Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia Bumiputera sahaja ("Peserta") berumur 18 tahun dan ke atas termasuk kakitangan Pos Malaysia yang mempunyai Akaun ASB. |
| **S4** | **Di manakah cawangan Pos Malaysia yang terlibat untuk Peserta menyertai Peraduan ini?** |
| J4 | Semua pejabat pos kecuali Pejabat Pos Pusing. |
| **S5** | **Apakah perkhidmatan yang terlibat di dalam Peraduan ini?** |
| J5 | Perkhidmatan yang terlibat adalah ASB. |
| **S6** | **Bagaimanakah pelanggan boleh menyertai dan apakah mekanisme untuk Peraduan ini?** |
| J6 | Peserta dikehendaki melengkapkan langkah berikut untuk menyertai Peraduan:<br>a) Deposit wang tunai sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) ke dalam akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB) di mana-mana pejabat pos sepanjang Tempoh Peraduan.<br>b) Imbas Kod QR untuk menyertai dan isikan butiran yang diperlukan dalam borang Google Peraduan Labur dan Menang.<br>c) Peserta perlu mengambil gambar (jelas dan penuh) resit dan mesti dimuat naik dalam borang Google.<br>d) Satu (1) resit hanya layak mendapat satu (1) penyertaan.<br>e) Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan dan berpeluang memenangi lebih dari satu (1) hadiah iaitu hadiah bulanan dan/atau hadiah utama sepanjang Tempoh Peraduan.<br>a) Peserta hendaklah menyimpan salinan resit sebagai bukti pembayaran. |

# Soalan Lazim
# Peraduan Labur dan Menang

<table>
<tr><th>No.</th><th>Soalan/Jawapan</th></tr>
<tr><td>S7</td><td>Apakah hadiah-hadiah yang ditawarkan kepada pemenang?</td></tr>
<tr><td>J7</td><td>
Terdapat 154 pemenang bertuah dan hadiah untuk dimenangi adalah:<br><br>
a) Hadiah Utama x 3<br>
• Galaxy Tab A7 Lite LTE<br><br>
b) Hadiah Pertama x 5<br>
• Baucar AEON bernilai RM500<br><br>
c) Hadiah Kedua x 6<br>
• Wang Pos bernilai RM300<br><br>
d) Hadiah Saguhati Bulanan x 35<br>
• Hadiah diberikan dalam bentuk unit amanah ASB<br>
• Cabutan akan dibuat pada bulan September, Oktober, November dan Disember 2022<br><br>
<table>
<tr><th>Kategori</th><th>Jumlah deposit (RM)</th><th>Jumlah pemenang setiap bulan</th><th>Hadiah (RM)</th><th>Jumlah hadiah setiap bulan (RM)</th></tr>
<tr><td>1</td><td><1,000</td><td>20</td><td>100</td><td>2,000</td></tr>
<tr><td>2</td><td>1,000 - 3,000</td><td>5</td><td>400</td><td>2,000</td></tr>
<tr><td>3</td><td>3,001 – 5,000</td><td>5</td><td>800</td><td>4,000</td></tr>
<tr><td>4</td><td>5,001 & ke atas</td><td>5</td><td>1,400</td><td>7,000</td></tr>
<tr><td colspan="2">Jumlah</td><td>35</td><td></td><td>15,000</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>S8</td><td>Bagaimanakah pemenang akan dipilih dan cara mengetahui jika saya terpilih sebagai pemenang?</td></tr>
<tr><td>J8</td><td>
Pemenang yang Layak (“Pemenang Layak”) akan dipilih secara rawak oleh sistem. Pos Malaysia akan menghubungi Pemenang layak melalui telefon atau emel yang berdaftar di dalam borang Google.<br><br>
Pos Malaysia berhak untuk membatalkan kelayakan Pemenang layak jika gagal memberikan maklumat yang lengkap dan tepat semasa panggilan atau e-mel untuk pengesahan. Kegagalan untuk menghubungi pemenang dalam tiga (3) kali percubaan dan mengemukakan butiran seperti yang diminta akan menyebabkan kelayakan terbatal. Pemenang yang telah dipilih mesti menunjukkan resit asal sebagai bukti pembayaran.
</td></tr>
<tr><td>S9</td><td>Bilakah pengumuman pemenang akan dibuat?</td></tr>
<tr><td>J9</td><td>
Senarai Pemenang akan diumumkan secara berperingkat pada setiap bulan bagi Hadiah Saguhati. Manakala untuk Hadiah Utama, Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua pengumuman akan dibuat selepas tamat Tempoh Peraduan. Sila layari laman sesawang atau media sosial rasmi Pos Malaysia atau e-mel untuk pengumuman Pemenang.
</td></tr>
</table>

POS MALAYSIA

# Soalan Lazim
# Peraduan Labur dan Menang

| No. | Soalan/Jawapan |
|---|---|
| **S10** | **Bagaimanakah pemenang akan dipilih dan dimaklumkan?** |
| J10 | Pemenang yang Layak ("Pemenang Layak") akan dipilih secara rawak oleh sistem. Pos Malaysia akan menghubungi Pemenang layak melalui telefon atau e-mel yang berdaftar di dalam borang Google. |
| **S11** | **Bagaimanakah Pemenang menebus hadiah sebaik sahaja diumumkan sebagai Pemenang?** |
| J11 | a) Hadiah Saguhati Bulanan<br>Pihak ASNB akan menambah unit ke dalam akaun ASB pemenang.<br><br>b) Hadiah Utama, Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua<br>Pihak Pos Malaysia akan menghubungi Pemenang untuk menuntut hadiah. |
| **S12** | **Bagaimanakah saya boleh menebus Hadiah Kedua (Wang Pos)?** |
| J12 | Wang Pos Ekspres akan dihantar melalui e-mel kepada pemenang selepas proses pengesahan dilakukan. Pemenang boleh menebus dan menunaikan Wang Pos dengan segera di mana-mana kaunter Pejabat Pos dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh hadiah dikeluarkan. Pemenang hanya perlu mengemukakan kad pengenalan (MyKad) yang sah dan salinan borang Wang Pos atau maklumkan nombor Wang Pos kepada kakitangan kaunter untuk menuntut hadiah anda. |
| **S13** | **Bolehkah pemenang memenangi Peraduan ini lebih daripada sekali?** |
| J13 | Ya, penyertaan yang telah dipilih sebagai pemenang bulanan layak untuk memenangi Hadiah Utama, Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua. |
| **S14** | **Bolehkah hadiah ditukar kepada bentuk atau hadiah yang lain?** |
| J14 | Semua hadiah tidak boleh dipindahmilik, ditebus balik atau ditukar kepada wang tunai atau mana-mana bentuk hadiah lain. |